

29 NOV, 2022

Pitch Borneo teruskan usaha perkasa idea dan inovasi: KSTI

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Page 1 of 2



PEMENANG Pitch Borneo 2022 bergambar bersama selepas majlis itu.

Pitch Borneo teruskan usaha perkasa idea dan inovasi: KSTI

Noor Zafira Zayn

KOTA KINABALU: Pitch Borneo meneruskan usaha dalam meningkatkan dan memperkasa kepentingan inovasi dan pembaharuan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, Datuk Yakub Khan berkata, idea inovasi perlu bersifat kolektif dan realistik serta pembangunan sesuatu inovasi perlu bermula dari fasa asas.

"Wujudnya kepentingan inovasi daripada akar umbi di mana segala sumber ini berada, kerana dari sisi pembangunan negara maju, inovasi dibangunkan dan dikongsi bersama oleh komuniti yang besar.

"Pitch Borneo atau dahulunya dikenali sebagai Sabah Got Idea telah membuka ruang dan peluang kepada rakyat Sabah untuk merealisasikan idea inovasi akar umbi mereka, seterusnya menjadi inovator berjaya dan berdaya saing," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan penutupan Pitch Borneo 2022 yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) Sabah, Datuk Zainudin Aman pada Ahad malam.

Menurut beliau, platform Pitch Borneo adalah tepat kerana berperanan untuk mengenal pasti dan menonjolkan inovasi yang dilakukan oleh golongan sasaran.

"Banyak inovasi di Sabah yang berkemampuan untuk maju ke tahap yang lebih tinggi, tetapi tanpa sokongan daripada mana-mana pihak, inovator tidak yakin dengan kemampuan inovasi.

"Malah kekurangan bantuan dari pelba-

gai aspek turut menjadi kekangan kepada idea inovasi tersebut untuk dikembangkan dan direalisasikan lebih ke depan," katanya.


Seramai 30 peserta mara ke peringkat akhir sebelum 10 peserta terbaik dipilih dan menerima dana dari Pitch Borneo bernilai RM20,000 bagi setiap idea.

Mereka yang terpilih adalah Yapp Lip Chau (LearningTigers - Innovative Online Learning Platform), Mohd Faizul Ramli (Up-cycled Wood Art), Calvin Patrick Mojinun (Recycle & Upcycle Can Pop Tabs Into Arts & Craft), Mariati Bebe (Pekasam Ekspres), Amarsali Sandang (Dark Chocolate Cabbage), Mohammad Nor Ermanshah Mansor (Penghasilan Anak Ayam Kampung Kacuk DOC), Norlina Gati (Meal to Go), Faustin Jami dan Ervin Petrus (3T Bag), Christopher Mitus (EM4 Probiotik) dan Jooskin Toripon (Tumau Nizou/ Minyak Masak Kelapa).

Pitch Borneo adalah sebuah program bagi usahawan menjana, memperbaiki dan menyampaikan idea perniagaan mereka dan dianjurkan oleh Persatuan Usahawan Teknologi (SATA) dengan biaya rakyat melalui KSTI.

Pitch Borneo merupakan acara tahunan yang sudah berlangsung sejak 2011 dan berfungsi sebagai projek komuniti untuk membantu usahawan baharu merealisasikan idea perniagaan mereka.

Hadir sama dalam majlis itu ialah Ketua Penolong Setiausaha KSTI Lakina Tangkoko dan Marshal Anthony, Presiden SATA Saverinus P. Kitingan, Penyelaras Program Kadaywell Dambu dan jawatankuasa SATA serta Pitch Borneo.



29 NOV, 2022

Pitch Borneo teruskan usaha perkasa idea dan inovasi: KSTI

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

PEMENANG Pitch Borneo 2022 bergambar bersama selepas majlis itu.

KOTA KINABALU: Pitch Borneo meneruskan usaha dalam meningkatkan dan memperkasa kepentingan inovasi dan pembaharuan. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, Datuk Yakub Khanberkata, idea inovasi perlu bersifat kolektif dan realistik serta pembangunan sesuatu inovasi perlu bermula dari fasa asas. "Wujudnya kepentingan inovasi daripada akar umbi di mana segala sumber ini berada, kerana dari sisi pembangunan negara maju, inovasi dibangunkan dan dikongsikan bersama oleh komuniti yang besar.